

# Penanda aras hala tuju negara

Bajet 2016 sesuai untuk Terengganu tumpu aspek kesihatan rakyat

■ NORHAFIZA MUSA

**KUALA TERENGGANU**

- Bajet 2016 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri merupakan bajet pertama di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 dan ia sangat penting sebagai penanda aras kepada hala tuju negara pada masa depan.

Pengarah Institut Darul Iman (Idaman) Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza), Prof Dr Ibrahim Mamat menyifatkan, Bajet 2016 sangat sesuai untuk negeri Terengganu menumpukan kesihatan rakyat.

Menurutnya, kebanyakan rakyat di Terengganu adalah terdiri dari kalangan reka yang berpendapatan B40, iaitu rendah dan sederhana, jadi kerajaan menyediakan kemudahan sesuai untuk golongan tersebut dari segi perumahan, pelepasan cukai



**AHMAD IKRAM**

dan pelbagai subsidi.

"Sekarang target bukan halanya untuk atasi kemiskinan tetapi juga untuk mengangkat mereka ke tahap pendapatan tinggi, untuk mencapai negara maju (2020). Sebab itu Bajet 2016 sangat penting sebagai penanda aras kepada hala tuju negara, jika tidak, kita tidak akan capai negara maju, jadi strategi ini sangat tepat," katanya.



**IBRAHIM**

Ketua Pegawai Eksekutif Terengganu Integrity & Strategic Studies Institute (TISIS), Ahmad Ikram Abdullah pula berkata, pembentangan bajet kali ini adalah lebih bersifat menyeluruh.

"Saya ucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, jelas sekali bajet yang dibentangkan merupakan kesinambungan bajet tahun lalu, apabila menggunakan pendekatan ekonomi



**TUN BAHARUM**

keperluan rakyat. Jadi ia sebagai bajet yang berterusan dan bersifat menyeluruh," katanya.

Bagi graduan dari The University of New South Wales (UNSW), Mohamad Halimi Hasanuddin, 25, pembentangan bajet kali ini juga tidak melupakan keperluan golongan muda apabila banyak manfaat juga diterima.

"Saya mewakili orang muda bersyukur, kerana ada



**MOHAMAD HALIMI**

beberapa isu memberikan penekanan atau untuk orang muda. Antaranya, penggunaan telefon bimbit akan mendapat kembali rebat bersamaan dengan amaun Cukai Jualan dan Perkhidmatan (GST) yang akan dikreditkan kepada pelanggan memandangkan ramai orang muda yang menggunakan kemudahan prabayar.

"Selain itu, kerajaan juga turut memberi penekanan

kepada bidang pertanian dengan menggalakkan penglibatan golongan muda apabila ada dana-dana khas disediakan," katanya.

Presiden Persatuan Pelancongan Negeri Terengganu, Tun Baharum Tun Razak pula berpendapat, bajet kali ini juga turut menumpukan kepada industri pelancongan, selaras dengan kerajaan negeri yang turut memfokuskan kepada bidang tersebut.

Menurutnya, sektor pelancongan yang menjadi bidang kedua terpenting negeri akan memfokuskan kepada perniagaan ekonomi dan usaha meningkatkan pendapatan rakyat.

"Kerajaan negeri turut menumpukan kepada bidang pelancongan sebagai salah satu keberhasilan negeri. Bajet 2016 boleh dimanfaatkan sebagai persiapan menganjurkan Tahun Melawat Terengganu (TMT) 2017 nanti," katanya.